

12 NOV 1999

MCA-Calon (N.Sembilan)

MCA N.SEMBILAN CADANG NAMA PENYANDANG UNTUK JADI CALON

SEREMBAN, 12 Nov (Bernama) -- MCA Negeri Sembilan menyerahkan nama semua penyandang kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk dicadang dicalonkan semula sebagai calon pada pilihan raya umum nanti.

Setiausaha MCA negeri Datuk Hon Choon Kim hari ini berkata hanya bagi kawasan Parlimen Rasah sahaja, satu muka baru dicadangkan berikutan laporan bahawa Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah telah menawarkan diri untuk tidak bertanding.

Kita mencadangkan Ketua Pemuda MCA negeri Yip Chee Kiong bertanding di kawasan itu, katanya ketika ditemui di sini.

Bagaimanapun katanya semua nama itu merupakan cadangan sahaja dan keputusan muktamad akan dibuat oleh Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya mengenai peluang mempertahankan kerusi Parlimen Rasah berikutan laporan bahawa DAP mungkin akan meletakkan pengerusi kebangsaannya Dr Chen Man Hin bertanding di situ, Hon berkata Dr Chen tidak mempunyai sokongan akar umbi.

Ia bukan pertandingan antara "orang yang berpengaruh" dan "tidak berpengaruh" kerana katanya, Dr Chen tidak begitu aktif dalam politik dan sebagai pengerusi DAP sebenarnya dia tiada kuasa kerana yang membuat keputusan dalam DAP ialah setiausaha agung.

Katanya jika Dr Chen bertanding ia menunjukkan bahawa DAP ketandusan calon untuk diketengahkan.

Pada pilihan raya umum lepas MCA diperuntukkan dua kerusi Parlimen dan lapan kerusi DUN dan hanya kalah di kawasan DUN Temiang. Negeri Sembilan mempunyai tujuh kawasan Parlimen dan 32 kawasan DUN.

Bagaimanapun calon daripada DAP yang memenangi kawasan Temiang Lee Yuen Fong menyertai MCA tidak lama selepas itu.

Seorang lagi calon DAP yang memenangi pilihan raya umum lepas Khoo Seng Hock yang menewaskan calon BN dari parti Gerakan di kawasan Lobak, juga kemudiannya menyertai MCA.

"Kami mahu semua calon MCA menang untuk memastikan kemenangan 100 peratus calon-calon parti termasuk di kawasan Lobak jika kawasan itu diperuntukkan kepada MCA...parti mana yang akan bertanding di Lobak akan ditentukan oleh pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Hon.

Kawasan yang disandang oleh MCA kini ialah kawasan parlimen Rasah melalui Wong dan Seremban oleh Hon, manakala bagi DUN ialah melalui Lim Yong @ Lim Chen (DUN Chennah), See Ah Kow (Bahau), Gan Chin Yap (Repah), Lai Yit Fee (Nilai), Khoo Seng Hock (Lobak), Lee Yuen Fong (Temiang), Datuk Goh Siow Huat (Rahang), Lee Chee Keong (Mambau) dan Datuk Dr Yeow Chai Thiam (Lukut).

-- BERNAMA

AZ LAT